

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL III

**HADITH-HADITH MENGENAI
PEMBANGUNAN INSAN & MASYARAKAT**

FEBRUARI 2017

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak)

ARAHAN: Jawab SATU (1) soalan sahaja**Soalan Pertama**

عَنْ أَبِي مُوسَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ الْغَيْثِ الْكَثِيرِ أَصَابَ أَرْضًا فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتْ الْمَاءَ فَأَنْبَتَتْ الْكَلَاءَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ وَكَانَتْ مِنْهَا أَجَادِبُ أَمْسَكَتْ الْمَاءَ فَنَفَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَزَرَعُوا وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ أُخْرَى إِنَّمَا هِيَ قِيعَانٌ لَا تُمْسِكُ مَاءً وَلَا تُنْبِتُ كَلَاءً فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ فَقَهُ فِي دِينِ اللَّهِ وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلِمَ وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ

Terjemahan : *Dari Abu Musa r.a. [bahawa] dari Nabi SAW, baginda bersabda: "Perumpamaan apa yang diutuskan oleh Allah kepadaku daripada hidayah dan ilmu adalah seperti hujan lebat yang mengenai tanah, dari tanah itu ada yang gembur yang dapat menerima air lalu tumbuh rumput-rumput yang banyak dan ada yang keras dapat menahan air maka Allah memberi manfaat dengannya kepada manusia, lalu mereka minum, menyiram dan bertani. Dan air hujan itu mengenai kelompok lain iaitu tanah licin yang tidak dapat menerima air dan tidak dapat menumbuhkan rumput. Demikian itu ibarat orang yang faqih dalam agama Allah dan apa yang diutuskan kepadaku bermanfaat baginya, dia mengetahui dan dia mengajar. Dan ibarat orang tidak naik (menerima) hal ini ke kepala (minda), maka dia tidak akan menerima hidayah Allah yang mana saya diutus dengannya."*

(1) Jelaskan ciri-ciri tabiat manusia dalam mendapatkan ilmu.

(2) Huraikan **lima (5)** pengajaran yang boleh diambil daripada hadis di atas.

[25 markah]

Soalan Kedua

المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلَمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ،
 وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ
 اللَّهُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،

Terjemahan : *Orang Islam adalah saudara orang Islam yang lain, tidak boleh menzaliminya dan menganiayainya, sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya tentu Allah memenuhi hajatnya, sesiapa yang melepaskan orang Islam daripada kesusahan, Allah melepaskan daripadanya kesusahan daripada kesusahan-kesusahan pada Hari Akhirat, sesiapa yang menutup keaiban seorang muslim, Allah akan menutup keaibannya pada Hari Akhirat.*

- (1) Jelaskan **tiga (3)** peringkat persaudaraan menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi beserta **dua (2)** contoh persaudaraan yang telah terpacat dalam sejarah Islam silam.
- (2) Huraikan **lima (5)** pengajaran yang boleh diambil daripada hadis di atas.

[25 markah]